

Sidang EAS dibuat dua tahun sekali

UM 27 JUL 2005

VIENTIANE 26 Julai — Sidang Kemuncak Asia Timur (EAS) akan diadakan setiap dua tahun sekali dan bukannya tiga tahun seperti yang dipersetujui mesyuarat peringkat pegawai (SOM) kelmarin.

Persetujuan menetapkan tempoh EAS yang diilhamkan oleh Malaysia itu dicapai pada hari terakhir Mesyuarat Menteri-Menteri Luar ASEAN (AMM) ke-38 di Hotel Don Chan di sini, hari ini.

Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar berkata, AMM berpendapat tempoh tiga tahun yang dipersetujui SOM terlalu panjang.

Bagaimanapun AMM bersetuju dengan cadangan Pengerusi EAS hanya dari kalangan anggota ASEAN dan sidang kemuncak itu pula, juga akan diadakan di antara negara-negara pertubuhan 10 anggota itu.

“Pegawai-pegawai akan mengadakan mesyuarat bagi membincangkan kaedah penggiliran EAS,” katanya pada sidang akhbar selepas majlis penutup AMM hari ini.

Pada majlis itu, Malaysia mengambil alih Pengerusi ASEAN daripada Laos untuk tempoh setahun sehingga pertengahan 2006 sebelum digantikan oleh Filipina setelah Myanmar bersetuju melepaskan gilirannya.

EAS adalah kumpulan yang diilhamkan Malaysia mengambil konsep penubuhan gagasan Kumpulan Ekonomi Asia Timur (EAEG) yang dicadangkan Tun Dr. Mahathir Mohamad ketika masih menjadi Perdana Menteri Malaysia.

Namun EAEG mendapat kritikan dan tentangan hebat malah dua pengkritik utamanya, Amerika Syarikat dan Australia pernah menuduh bahawa ia hanya akan ‘membelah dua rantau Pasifik’.

EAEG kemudiannya dapat diterima dalam ASEAN sebagai Perundingan Ekonomi Asia Timur (EAEC), bagaimanapun ia semakin tenggelam dan dilupakan.

Mesyuarat dua hari yang bertemakan ‘Ke Arah Keharmonian, Dinamisme dan Integriti ASEAN’ turut membincangkan draf Deklarasi Kuala Lumpur mengenai Mengukuhkan Piagam ASEAN untuk diterima pakai pada Sidang Kemuncak

ASEAN ke-11 di Kuala Lumpur, 12 Disember ini dan EAS yang julung kalinya diadakan selepas Sidang kemuncak ASEAN itu.

Piagam ASEAN adalah dokumen penting yang menjadi asas pelaksanaan kegiatan pertubuhan serantau berkenaan.

Syed Hamid berkata, semua anggota ASEAN akan menamakan seorang wakil setiap negara yang menganggotai ‘Eminent Persons Group’ (EPG) bagi mengemukakan laporan mengenai Piagam ASEAN itu untuk dipersetujui oleh pemimpin pada Sidang Kemuncak ASEAN ke-11 di Kuala Lumpur.

Malaysia menamakan bekas Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Musa Hitam untuk mewakili negara sebagai anggota EPG.

“Pemilihan Musa Hitam adalah berdasarkan pengalamannya, kebolehan menjalankan tugas dan dikenali ramai di rantau ASEAN,” jelas Syed Hamid.

Bagaimanapun ASEAN bersetuju memberikan tempoh sehingga Oktober ini untuk setiap anggotanya menamakan wakil mereka ke EPG yang akan mengadakan mesyuarat bersama peringkat pemimpin di Kuala Lumpur kelak.

Menurutnya, anggota EPG diberi tempoh untuk mengemukakan laporan bagaimana memastikan ASEAN mencapai matlamat penubuhan, pencapaian dan memenuhi prinsip-prinsipnya untuk faedah rakyat negara anggota.

Beliau berkata, anggota EPG kemudiannya menyerahkan laporan berkenaan kepada peringkat pegawai untuk meneliti peranan baru serta perlembagaan Piagam ASEAN sebelum diserahkan ke peringkat pemimpin.

Terdahulu dalam ucapannya, Syed Hamid yang mewakili Malaysia sebagai pengerusi baru ASEAN berkata, pertubuhan itu memerlukan usaha berterusan untuk memupuk kesedaran di kalangan orang ramai bagi mengembangkan identiti dan pembinaan komuniti rantau ini.

Katanya, adalah menjadi harapan Malaysia sebagai Pengerusi ASEAN yang baru untuk mengembangkan usaha itu setelah mengambil alih Pengerusi ASEAN daripada Laos. —
Utusan